

Sebuah pertemuan....

Tak pernah kuduga.....

Penantian selama tiga dekad berakhir jua....

Di atas usaha Lailani dan Anizam satu perjumpaan Kamilian78 telah diadakan pada 29 November 08 jam 10 pagi di Kota Bharu.

Betapa aku gembira, sedih dan terharu di atas kesudian kawan-kawan lama yang sudi meluangkan masa untuk bersama. Mereka yang hadir :

- | | |
|----------------------|--------------------------------|
| 1. Baharuddin Setapa | 2. Emlee Mohd. Faib |
| 3. Baharuddin Ismail | 4. Qazi Muntaz Abd. Rauf |
| 5. Abd. Majid Omar | 6. Nor Shakiman Muhamad |
| 7. Azman Ahmad | 8. Adibah Hj. Zainal Abidin |
| 9. Lailani Muhamed | 10. Anizam Abd. Rahman |
| 11. Esah Mat Nor | 12. Th. Razihah Tg. Abd. Razak |

Tiga dekad berlalu, satu tempuh waktu yang cukup lama. Dalam usia menghampiri setengah abad pastinya masing-masing sudah melalui pelbagai pahit manis recah kehidupan. Namun yang pasti jelas kemesraan tetap seperti dulu.



Dari Kiri : Adibah, Tg. Razihah, Anizam, Lailani, Esah, Emli

*Dua jam perjumpaan,
masa berlalu begitu cepat.
Banyak perkara yang
ingin kuceritakan,
juga bermacam soalan
yang ingin kukemukakan.
Namun tiba-tiba aku jadi
'macam pendiam' kerana
aku bagaikan tidak percaya
dengan apa yang aku lihat.*



Azman & Baharudin



Baharudin Stapa



Qazi Muntaz Abd. Rauf

*Bertahun-tahun aku mencari...
hinggakan aku bagaikan sudah
berputus asa untuk menjejaki mereka lagi.
Aku terpaksa pasrah dan menerima kenyataan
bahawa kawan-kawan sekolahku sudah 'hilang'.....
Namun Takdir penentu segala.....
Biarpun hujan menyukarkan pergerakan pada hari itu, namun
kegembiraan yang terpancar di wajah kami tidak terucap oleh kata-kata.
Untuk kesekian kalinya ku dapat merasakan betapa luhur dan tingginya
nilai sebuah persahabatan. Betul kata Nor Shakiman, aktiviti sebegitu
membuatkan kita merasa ingin hidup lebih lama.*



Nor Shakiman Muhammad



Abd. Majid Omar

Pencarianku tidak berakhir di situ. Bersama Adibah, Lailani, Anizam dan Tg. Razihah kami tinggalkan 'kaum bapa' yang masih rancak berbual untuk ke rumah Norsuliati Suan yang tidak dapat menyertai perjumpaan itu kerana kurang sihat. Memang teruja...wajah kawan-kawan yang selalu dalam kenangan kini berada di depan mata. Berbicara mengenai anak-anak yang sudah meningkat dewasa, kita pun sedar bahawa perjalanan kita juga sudah merangkak senja.....



*Kunjungan ke rumah Norsuliati & Che Razali
Dari kiri: Tg.Razihah, Adibah, Lailani, Anizam, Esah, Norsuliati Suan*

Seterusnya kami ke rumah Ra'i Asmat. Dalam hujan yang mencurah, takungan air yang melimpah di depan rumah menyaksikan pertemuan yang tak pernah kuduga. Redup sinar matanya kulihat Ra'i Asmat adalah lambing wanita yang tabah.



Keesokan harinya Lailani membawaku berjumpa Norma Maryaman, Azimah Abd. Rahman, Rosniyati dan Zamnah. Sayangnya lawatan ke rumah mereka tidak dapat kurakamkan dengan kamera.

Kepada sahabatku yang belum berkesempatan untuk berjumpa, semoga Allah mengizinkan kita untuk bertemu satu hari nanti. Semoga kita semua sentiasa dilindungi Allah dan bahagia di samping keluarga. Selepas ini aku sudah punya alasan untuk selalu pulang ke Kelantan. Terima kasih kepada webmaster kerana telah mengambil inisiatif membina laman web ini demi mengekal dan mengukuhkan lagi hubungan di antara ahli Kamilian78. Wassalam.

Oleh: Esah Mat Nor
kaksu08@yahoo.com.my

